

Info PinTAR



APC 2007 ANUGERAH PERPUSTAKAAN CEMERLANG

oleh Cik Eza Eliana Hj Abdul Wahid

PTAR telah terpilih untuk disenarai pendek bagi penerimaan Anugerah Perpustakaan Cemerlang (APC) 2007 yang dianjurkan oleh Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM). Anugerah ini diwujudkan bagi memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada perpustakaan cemerlang di Malaysia dimana ia akan diberikan sekali dalam masa dua tahun.

Anugerah ini ditumpukan kepada kecemerlangan dalam pendidikan pengguna dan promosi berdasarkan kepelbagaian aktiviti promosi yang sediada serta kreatif dan inovatif bagi menarik perhatian pengguna kepada perkhidmatan dan sumber perpustakaan yang cemerlang. Program pendidikan pengguna dan perhubungan awam yang agresif perlu sentiasa diadakan untuk membetulkan persepsi dan meningkatkan kualiti perhubungan antara perpustakaan dan masyarakat.

Lawatan panel-panel penilai APC telah diadakan pada 6 Mac 2007 yang terdiri daripada Y. Bhg Dato' Zawiyah Baba, Puan Rohani Rustam, Encik Abd. Rahman Sudin dan Puan Hasnita Ibrahim.

Taklimat lawatan serta maklumat mengenai PTAR telah disampaikan oleh Ketua Pustakawan PTAR, Puan Hjh Paiza Idris. Para Panel dibawa melawat ke ruang pameran APC yang mempamerkan maklumat-maklumat PTAR termasuk Anugerah serta Pencapaian yang telah diperolehi. Selain itu, maklumat-maklumat setiap bahagian PTAR turut dipamerkan bersesuaian dengan kriteria APC 2007 seperti yang telah ditetapkan. Ini adalah penyertaan PTAR buat julung-julung kali nya dalam Anugerah Perpustakaan Cemerlang semenjak PTAR diwujudkan. Semoga PTAR terus sukses!!

